



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KEDAH**

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Tetap/ Kontrak di UiTM Cawangan Kedah.

BIL.	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
B.	KUMPULAN PELAKSANA				
1.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)	N17	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	RM 928.00	RM 3,375.00
2.	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	W17	Pembantu Tadbir (Kewangan)	RM 929.00	RM 3,377.00
3.	PENGAWAL KESELAMATAN	KP11	Pengawal Keselamatan	RM 837.00	RM 2,619.00

SYARAT LANTIKAN

KUMPULAN PELAKSANA

1) PEMBANTU TADBIR (N17)

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

dan

- (d) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer dan/atau mengambil trengkas)

Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan;-

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas;

dan

- (iii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan

PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) (GRED W17)

2)

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam mata pelajaran Matematik atau Perdagangan atau Akaun pada peringkat peperiksaan tersebut;

(Gaji permulaan ialah pada RM929.00) atau

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia di Peringkat Pertengahan (Simpan Kira-kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada RM985.13) atau

- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia serta Sijil Perdagangan Malaysia di Peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

(Gaji permulaan ialah pada RM1,154.33) atau

- (iv) Sijil Pengurusan Perniagaan atau Sijil Penyimpan Kira-kira daripada Politeknik di bawah Kementerian Pendidikan atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada RM1,379.92)

dan

- (e) Kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3) PENGAWAL KESELAMATAN (GRED KP11)

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
 - (i) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11:RM837.00); atau
 - (ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11:RM837.00);
- (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
 - (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.dan

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

II. PERHATIAN KEPADA PEMOHON

- (a) Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dan hendaklah disertakan dengan salinan rekod perkhidmatan yang dikemaskini.
- (b) Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang dipanggil **TEMUDUGA SAHAJA** perlu membawa dokumen-dokumen asal dan salinan sijil-sijil yang telah **DISAHKAN** berserta dengan borang permohonan yang telah dicetak untuk diserahkan kepada setiausaha temuduga.
- (c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan daripada pihak universiti selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (d) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.

III. CARA- CARA MEMBUAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan UiTM yang boleh didapati dengan melayari laman web UiTM Cawangan Kedah di <http://www.kedah.uitm.edu.my> dan juga boleh didapati sendiri di pejabat Bahagian Pentadbiran UiTM Cawangan Kedah.
- (b) Setiap permohonan yang dihantar hendaklah ditulis nama jawatan yang dipohon disebelah kiri (atas) sampul surat.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah pada hari Isnin, 7 Julai 2014.
- (d) Sila kemukakan permohonan kepada :



**UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA**

**TIMBALAN PENDAFTAR
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UiTM CAWANGAN KEDAH
08400, MERBOK
KEDAH DARUL AMAN**

NO. TEL: 04-4562053/ 2056/ 2059

RUJUKAN : 500-KDH(PT.19/2)

TARIKH : 23 Jun 2014